

Buku ilmiah untuk golongan istimewa oleh Penerbit Universiti Putra Malaysia, Serdang Selangor

ABSTRAK

Adakah penerbitan di negara ini, khususnya penerbit di universiti hanya menerbitkan buku ilmiah kepada golongan normal sahaja? Banyakkah judul dan kandungan ilmiah yang dapat dibaca dan dirujuk oleh golongan orang kelainan upaya (OKU) dan ahli keluarganya? Makalah ini memberi tumpuan buku ilmiah untuk golongan istimewa: kajian kes di Penerbit Universiti Putra Malaysia, Serdang Selangor. Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti buku untuk golongan istimewa yang diterbitkan oleh Penerbit Universiti Putra Malaysia (Penerbit UPM), dan membincangkan relevan buku untuk golongan istimewa yang diterbitkan dan dipromosikan kepada umum. Dalam kajian ini, sebanyak 10 judul ilmiah yang berkaitan golongan istimewa dibincangkan dalam penulisan ini kerana dihasilkan oleh penulis dan diterbitkan dalam bahasa Melayu dan English ini boleh menjadi pilihan buku untuk golongan OKU. Prinsip penerbitan iaitu untuk menyebarluaskan pengetahuan dan pengalaman hidup di dalam buku kepada masyarakat diterapkan analisis kajian ini. Secara umumnya, penerbitan ilmiah untuk golongan istimewa diperlukan oleh masyarakat umum dan usaha untuk menerbitkannya hendaklah dilakukan oleh penerbit dengan konsisten.

Kata kunci: Penerbit; Buku ilmiah; Golongan istimewa; Prinsip penerbitan; Konsisten